Utusan Borneo: 07 November 2026

Lelaki panjat pagar rumah dan curi rim kereta ditangkap polis

MIRI: Seorang lelaki tempatan berusia 24 tahun ditahan polis selepas dipercayai mencuri sebuah rim kereta selepas memanjat pagar sebuah rumah di Bandar Baru Permyjaya, di sini, dalam kejadian 2 November lalu.

Suspek ditahan sepasukan anggota Balai Polis Lutong yang diketuai Ketua Balai Polis Lutong Sarjan Mohd Sahizad Said, kira-kira jam 3.35 petang, 4 November lalu di Lorong 4-9, Taman Ceria, Bandar Baru Permyjaya di sini.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, penahanan itu dilakukan hasil maklumat yang diperoleh polis tidak lama selepas gambar suspek melakukan perbuatan berkenaan tular di media sosial.

"Kejadian kecurian itu berlaku kira-kira jam 12.13 tengah hari, 2 November lalu, ketika kawasan kejiranan rumah mangsa dalam keadaan agak sunyi.

"Mangsa, seorang lelaki tempatan, 36, menyedari kehilangan rim berkenaan sekembalinya mereka sekeluarga ke rumah yang telah ditinggalkan selama beberapa hari," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Farhan, sebelum membuat laporan polis pada 4 November lalu, sekitar jam 10.46 pagi, mangsa memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di rumahnya dan mendapati kejadian itu dirakam kamera berkenaan.

Rakaman CCTV menunjukkan suspek memberhentikan sebuah kereta jenis Perodua Kancil di hadapan rumah mangsa sebelum memanjat pagar rumah yang berkunci untuk mengambil rim berkenaan.

Suspekkemudian melarikan diri bersama rim itu menggunakan kereta berkenaan.

"Akibat kejadian itu, mangsa mengalami kerugian dianggarkan RM250.

"Hasil soal siasat, suspek mengaku terbabit dalam kejadian berkenaan, manakala polis turut merampas semula rim milik mangsa yang dijual suspek kepada sebuah kedai barangan lusuh di Bandar Baru Permyjaya," katanya.